

Warga asing berjudi di tempat awam didenda RM2,500

MIRI: Seorang lelaki warga asing didenda RM2,500 atau dua bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan bermain judi di tempat awam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam setelah tertuduh, Dian Riyadi, 23, dari Indonesia mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Seksyen itu memperuntukkan denda sehingga RM5,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh yang bekerja sebagai juruwang ditahan pada jam 10.10 pagi, 27 Ogos lalu di sebuah kedai kopi di Pusat Komersial Pelita di sini oleh sepasukan polis yang menjalankan Ops Dadu kerana didapati berjudi di tempat awam.

Semasa tangkapan dibuat, polis turut merampas telefon bimbit dan wang tunai daripada tertuduh untuk dijadikan barang kes.

Dalam rayuannya, tertuduh memohon hukuman ringan memandangkan ini adalah kesalahan pertama dan baharu sahaja masuk ke negeri ini.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Luqman Hakim Sahrol Bahar, manakala tertuduh tidak diwakili peguambela.